

BAB SATU

PENGENALAN

1.0. PENDAHULUAN

Pengajaran bahasa Perancis (BP) sebagai bahasa asing telah mula diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia sejak zaman sebelum perang yakni sekitar tahun 1930-an (Choi, 1994:60). Pada masa kini, pengajaran dan pembelajaran BP di negara ini semakin berkembang pesat seiring dengan dasar globalisasi yang diwar-warkan oleh kerajaan Malaysia. Sebagai sebuah bahasa asing, BP mempunyai sistem bahasa yang tersendiri yang berbeza dengan bahasa ibunda dan bahasa pertama pelajar-pelajar di Malaysia. Sistem yang berbeza ini boleh menimbulkan kesulitan kepada seseorang apabila mempelajari BP. Bagi memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu di dalam pembelajaran BP sebagai bahasa asing, perbezaan yang terdapat antara sistem bahasa Melayu/bahasa Malaysia (BM) yang merupakan bahasa pertama atau bahasa ibunda pelajar dan BP sebagai bahasa sasaran pelajar haruslah dikaji.

1.1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian Analisis Kontrastif (AK) dan Analisis Kesilapan (AS) yang melibatkan dua bahasa iaitu bahasa Melayu/ bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Perancis (BP). BM merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia dan BP pula adalah salah satu bahasa asing yang semakin berkembang di negara ini. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada sistem fonetik dan fonologi kedua-dua bahasa tersebut. Kajian AK dan AS merupakan antara kajian di dalam bidang pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing yang sering menjadi tumpuan kajian di kalangan ahli

linguistik terapan. Dengan adanya kajian ini, semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pengajaran dan perkembangan bahasa asing akan dapat lebih memahami dan peka dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar di dalam proses pembelajaran mereka.

Hasil perbandingan sistem fonetik dan fonologi antara BM dan BP bukan sahaja membantu di dalam membuat ramalan masalah tetapi juga dapat menyediakan maklumat yang berguna untuk memahami mengapa pelajar melakukan kesilapan di dalam pembelajaran mereka. Sekiranya AK sahaja yang dijalankan ke atas sistem fonetik dan fonologi BM dan BP, dapatan kajian hanya dapat meramal masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar. Namun begitu, maklumat ini dirasakan tidak memadai kerana bukan semua masalah dalam pembelajaran BP berpunca daripada gangguan BM. Penulis bersetuju dengan pendapat bahawa kesilapan dalam pemerolehan bahasa boleh disebabkan oleh faktor-faktor lain selain daripada L1. Oleh itu, penulis merasakan bahawa kedua-dua analisis ini perlu dijalankan bersama kerana kedua-duanya saling melengkapi.

Oleh yang demikian, kajian AS juga akan dijalankan dengan tujuan untuk melihat apakah jenis kesulitan berkaitan dengan bunyi-bunyi BP yang dihadapi oleh para pelajar Melayu yang mempelajari BP. Kesulitan di dalam penyebutan bunyi-bunyi BP diukur dengan melihat jumlah kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar. Sekiranya kekerapan kesilapan dalam mengenal pasti dan mengujarkan sesuatu bunyi adalah tinggi, maka bunyi-bunyi tersebut merupakan bunyi-bunyi yang menjadi masalah dalam pembelajaran BP oleh pelajar-pelajar Melayu dan perlu diberi perhatian yang lebih oleh para guru di dalam pengajaran mereka. Kajian ini juga akan cuba menganalisis apakah punca-punca dan sumber yang menyebabkan timbulnya masalah-

masalah tersebut. Setelah punca-punca kesilapan dikenal pasti maka adalah lebih mudah untuk memberi cadangan apakah kaedah yang boleh digunakan bagi membantu mengurangkan masalah pengeluaran bunyi-bunyi BP tersebut.

Kajian ini dijalankan dengan harapan ianya dapat dijadikan sebagai panduan berguna kepada semua pihak yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran BP di Malaysia amnya dan kepada pelajar-pelajar Melayu khususnya. Para guru yang terlibat secara langsung di dalam pengajaran BP akan lebih memahami punca dan sebab mengapa para pelajar Melayu menghadapi masalah berkaitan dengan sesetengah bunyi BP. Kajian ini juga akan dapat dijadikan panduan oleh para guru untuk lebih bersedia apabila berhadapan dengan pelajar yang mengalami kesukaran di dalam menanggapi sesuatu bunyi BP dan menghasilkan bunyi-bunyi tersebut. Selain itu, guru-guru boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai kayu ukur untuk melihat sejauh mana kaedah pengajaran mereka berkaitan dengan sistem bunyi BP berkesan di dalam meningkatkan penguasaan pelajar.

Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar yang mempelajari BP untuk menilai tahap penguasaan mereka dan seterusnya memperbaiki kelemahan mereka. Para pelajar dapat lebih memahami kesulitan yang mereka hadapi dan lebih bersedia untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan tersebut. Selain daripada guru dan pelajar, kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi faedah kepada pihak penggubal sukatan pengajaran BP. Setakat hari ini belum ada bahan pengajaran yang berkaitan dengan sistem fonetik dan fonologi BP digubal khusus untuk pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BP di Malaysia. Adalah menjadi harapan penyelidik agar dapatan kajian ini akan dapat dijadikan panduan berguna di dalam penyusunan bahan dan sukatan pengajaran BP kepada pelajar-pelajar di Malaysia,

khususnya yang berkaitan dengan sistem bunyi BP. Ia dapat membantu memberi gambaran yang lebih jelas tentang aspek-aspek penting yang boleh dipertimbangkan di dalam kandungan pelajaran tersebut serta apakah bunyi-bunyi yang perlu diberi lebih tumpuan dan penekanan. Bunyi-bunyi bahasa yang menjadi kesulitan kepada pelajar haruslah diberi perhatian yang lebih berbanding dengan bunyi-bunyi lain.

1.1.1. Bahasa Melayu

Bahasa Melayu yang dituturkan di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura merupakan salah satu bahasa yang tergolong dalam Rumpun Austronesia, keluarga bahasa-bahasa Nusantara. BM digunakan dalam komunikasi oleh hampir 300 juta orang di dunia¹. Ada pelbagai pendapat tentang kedudukan atau ranking BM di dunia. Mengikut http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_languages_by_number_of_native_speakers, BM berada pada kedudukan ketiga puluh lima dengan jumlah penutur seramai 39.1 juta (anggaran oleh *Ethnologue* pada 2005) dan seramai 23.6 juta (anggaran yang dibuat oleh *Encarta* pada 2006). Anggaran yang dibuat tersebut tidak mengambilkira penutur Bahasa Indonesia. Sebaliknya Yoon Hwan Shin (2005) pula berpendapat bahawa BM merupakan bahasa keempat terbesar dari segi jumlah penutur selepas bahasa China, Inggeris dan Hindi/Urdu². BM turut dituturkan oleh penduduk di selatan Thailand. Setiap negara yang menjadikan BM sebagai bahasa rasmi dan bahasa utama komunikasi menamakannya mengikut identiti negara masing-masing. BM di Malaysia dikenali sebagai Bahasa Malaysia, di Indonesia pula dikenali sebagai Bahasa Indonesia, manakala di Singapura dan Brunei pula masing-masing dikenali sebagai Bahasa Melayu Singapura dan Bahasa Melayu Brunei³. Namun begitu, di Malaysia, istilah bahasa

¹ (http://en.wikipedia.org/wiki/Malay_language)

² (Yoon Hwan Shin . Malay/Indonesian for an Official Language of the East Asian Community dalam <http://www.arenaonline.org/content/view/305/78/>) Jan 2005.

³ (Aziz Deraman dalam http://english.gdufs.edu.cn/Article_Show.asp?ArticleID=182)

Malaysia digunakan sejak negara mencapai kemerdekaan sehinggalah tahun 1990an. Nama Bahasa Malaysia telah ditukar kepada Bahasa Melayu kerana terdapat tuntutan daripada ahli-ahli akademik dan pejuang bahasa yang merasakan bahawa bahasa Melayu haruslah menggunakan nama yang dapat mencerminkan bangsa asal penuturnya. Namun begitu, pada tahun 2007 kerajaan telah membuat keputusan untuk menggunakan kembali nama bahasa Malaysia bagi menggantikan bahasa Melayu dengan tujuan untuk melahirkan rasa kekitaan di kalangan rakyat Malaysia.

BM adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia. BM mula berkembang sebagai bahasa utama di dalam bidang pentadbiran dan pendidikan sejak selepas kemerdekaan dengan termaktubnya Artikel 152 di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1967. Artikel ini menyebut bahawa BM menjadi bahasa kebangsaan negara dan hendaklah digunakan dalam urusan-urusan rasmi kerajaan dan secara langsung mengambil alih peranan bahasa Inggeris. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, bahasa Inggeris merupakan bahasa utama yang digunakan dalam semua bidang dan juga merupakan bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Sejak 1957, BM sebagai bahasa utama Malaysia perlu menjalankan empat tugas utama iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, bahasa pentadbiran dan bahasa ilmu. (Nik Safiah Nik Karim, 1995:1603).

1.1.2. Bahasa Perancis

Bahasa Perancis merupakan salah satu bahasa Latin daripada rumpun Indo-Eropah. Bahasa Perancis (BP) merupakan bahasa antarabangsa yang dituturkan sebagai bahasa rasmi di 30 buah negara dan mempunyai jumlah penutur sebanyak lebih kurang

175 juta orang⁴. Menurut *La Francophonie dans le monde 2006-2007*, terdapat 128 juta penutur yang menuturkan BP sebagai bahasa ibunda atau bahasa pertama dan digunakan seharian. Manakala 72 juta lagi merupakan penutur BP separa (*partial*) yang tinggal di negara yang bertutur BP tetapi tidak menuturkan BP secara kerap akibat daripada kurang fasih. BP juga adalah bahasa kedua terpenting selepas bahasa Inggeris dan menjadi bahasa rasmi atau bahasa pentadbiran bagi beberapa pertubuhan antarabangsa seperti Kesatuan Eropah (*EU*), Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (*FIFA*), Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice*), Pertubuhan Persefahaman Atlantik Utara (*NATO*), Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (*PBB*), Polis Antarabangsa (*Interpol*), Lembaga Olimpik Antarabangsa (*International Olympic Committee*), Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation UNESCO*) dan lain-lain lagi.

Perkembangan BP di Perancis dari segi sistem ejaan, tatabahasa dan perbendaharaan kata adalah diuruskan dan dikawal selia oleh Académie Française sejak tahun 1635 (Cuq & Gruca, 2002: 19). Penyebaran BP di seluruh dunia bermula sejak abad ke-16 melalui ekspedisi dan penaklukan. Kanada merupakan negara pertama yang didatangi oleh orang-orang Perancis iaitu pada tahun 1534 melalui ekspedisi yang diketuai oleh Jacques Cartier (Cuq & Gruca, 2002: 20). Pada tahun 1854 pula perkembangan melalui penaklukan mula berlaku apabila Algeria ditakluki oleh Perancis. Secara tidak langsung penaklukan ini turut menyumbang kepada penyebaran BP di luar negara Perancis. Pada abad ke-19, BP terus berkembang ke rantau Asia Tenggara dengan penaklukan Kemboja (1863-1953), Laos (183-1953) dan Vietnam (1873-1954). (Cuq & Gruca, 2002: 21)

⁴ (http://en.wikipedia.org/wiki/French_language)

Setelah era penaklukan berakhir, perkembangan BP di seluruh dunia terus berkembang melalui institusi-institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan Perancis dan agensi-agensi tertentu. Kementerian Luar Negara, Kementerian Pendidikan Kebangsaan melalui *Alliance Française* dan Kementerian Kebudayaan merupakan antara agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab di dalam perkembangan BP di dalam dan luar negara Perancis. Agensi-agensi kerajaan ini turut dibantu oleh agensi-agensi lain seperti Radio Antarabangsa Perancis (RFI = *Radio France Internationale*), Persekutuan Antarabangsa Pengajar-pengajar Bahasa Perancis (FIPF= *La Fédération internationale des professeurs de français*) dan lain-lain. Kesemua agensi tersebut telah memberi sumbangan yang amat besar di dalam menjadikan BP sebagai bahasa kedua terpenting di dunia selepas bahasa Inggeris. Kehadiran BP di negara-negara tertentu mempunyai peranan dan status yang berbeza-beza. Peranan dan status BP di seluruh dunia tersebut dapat dilihat dalam peta di muka surat 8.

1.1.3. Pengajaran Bahasa Perancis di Malaysia

Pengajaran BP di Malaysia bermula dengan kedatangan mubaligh-mubaligh Kristian ke Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Bahasa Perancis mula diajar sebagai bahasa asing di Malaysia sejak pertengahan tahun 1930-an. Sekolah St John, Kuala Lumpur, Sekolah Convent Bukit Nenas dan Sekolah Holy Infant Jesus Convent yang ditubuhkan oleh *Catholic Mission* merupakan antara sekolah-sekolah terawal yang memperkenalkan pengajaran BP di Malaysia (Choi, 1994: 60).



Petunjuk:

- BP sebagai bahasa pertama dan bahasa rasmi
- BP sebagai bahasa rasmi
- BP sebagai bahasa kebudayaan
- BP sebagai bahasa minoriti

Dipetik dari http://en.wikipedia.org/wiki/French_language

Rajah 1.1: Negara-negara Yang Menuturkan Bahasa Perancis

Pengajaran BP kemudiannya diperkenalkan pula ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta pada tahun-tahun 1960-an. Pada awal tahun 1990, Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kedutaan Perancis di Malaysia mengambil langkah untuk memulakan pengajaran BP di sekolah-sekolah berasrama penuh kerajaan dengan menghantar guru-guru lepasan maktab perguruan yang telah berkhidmat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajaran bahasa Perancis sebagai bahasa asing bagi membolehkan mereka mengajar BP di sekolah-sekolah tersebut.

Hasil daripada usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan ini, pengajaran BP di Malaysia semakin berkembang maju dan semakin banyak sekolah berasrama penuh kerajaan dan sekolah harian yang menawarkan BP sebagai salah satu bahasa asing. Program penghantaran guru-guru ke Perancis untuk menyambung pelajaran dalam bidang BP masih lagi diteruskan hingga ke hari ini. Pada masa ini, Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa (IPBA) bertanggungjawab menyediakan kursus persediaan kepada bakal-bakal guru BP sebelum dihantar untuk melanjutkan pelajaran ke Perancis. Kini terdapat 32 buah sekolah berasrama penuh yang menjalankan pengajaran BP sebagai salah satu bahasa asing. Mulai tahun 2005, pengajaran BP turut diperkenalkan di 5 buah sekolah harian terpilih. Senarai sekolah berasrama penuh dan sekolah harian yang menawarkan BP sebagai salah satu mata pelajaran dapat dilihat di dalam jadual-jadual berikut.

**Jadual 1.1.2(a) : Sekolah Berasrama Penuh Yang Menawarkan Bahasa Perancis
Sebagai Salah Satu Mata Pelajaran**

Bil	Sekolah
1.	SMS Tun Syed Sheh Shahabuddin, P.Pinang
2.	SMS Raja Tun Azlan Shah, Taiping
3.	Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak .
4.	Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak
5.	Sekolah Alam Shah, Putrajaya
6.	Sekolah Seri Puteri Cyberjaya
7.	SMS Selangor, Kuala Lumpur
8.	SMS Hulu Selangor, Ulu Yam, Selangor
9.	Sek. Men. Agama Persekutuan, Kajang
10.	Sek. Men. Agama Persekutuan, Labu, N. Sembilan
11.	SBP Integrasi Jempol, Negeri Sembilan
12.	Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan
13.	Sekolah Dato' Abdul Razak, Negeri Sembilan.
14.	SMS Muzaffar Syah, Air Keroh, Melaka
15.	Sekolah Tun Fatimah, Johor Bharu, Johor.
16.	Sek. Sultan Haji Ahmad Shah Pekan, Pahang.
17.	SMS Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, Terengganu
18.	SMS Dungun, Dungun, Terengganu.
19.	SMS Tengku Muhammad Faris Petra, Kelantan.
20.	SMS Machang, Machang, Kelantan.
21.	SMS Pasir Putih, Kelantan.
22.	SMS Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan
23.	SMS Miri, Miri, Sarawak
24.	SMS Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
25.	SMS Kuching, Kuching, Sarawak
26.	SBPI Kubang Pasu, Kedah
27.	SBPI Rawang Selangor
28.	SBPI Batu Rakit Terengganu
29.	SMS Kota Tinggi, Bdr Penawar, Kota Tinggi Johor
30.	SMS Lahad Datu, Sabah
31.	SBPI Pekan Pahang
32.	SMK Sultan Omar Dungun

Jadual 1.1.2(b) : Sekolah Harian Yang Menawarkan Bahasa Perancis Sebagai Salah Satu Mata Pelajaran

1.	SMK King George V, Seremban
2.	SMK Penang Free, P.Pinang
3.	SMK Aminuddin Baki, K.Lumpur
4.	SMK Convent Kajang
5.	SBPI Gopeng

Selain daripada sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Multimedia Malaysia (MMU), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kolej Universiti Taylor, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej Stanford dan lain-lain turut menawarkan kursus BP sebagai satu subjek pilihan. Di Institut Malaysia Perancis (MFI) yang merupakan salah satu cawangan Universiti Kuala Lumpur, BP dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua pelajarinya kerana MFI merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai hubungan kerjasama dengan kerajaan Perancis dan turut menghantar pelajar yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Perancis.

Di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), BP bukan sahaja ditawarkan sebagai satu subjek pilihan tetapi juga sebagai kursus pengkhususan BP di peringkat Sarjana Muda. Program Ijazah Sarjan Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Perancis) di UM telah ditawarkan sejak tahun 1998 dan hingga kini seramai 80 orang

pelajar telah lulus dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Perancis). Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM pula menawarkan program Bacelor Sastera (B.A) Bahasa Asing Major Bahasa Perancis yang mula diperkenalkan pada tahun 2002 dan setakat ini telah menghasilkan 76 orang graduan.

Kedutaan Perancis di Malaysia dan Alliance Française memainkan peranan yang penting di dalam memperkembangkan pengajaran dan pembelajaran BP kepada pelajar-pelajar dan guru-guru di Malaysia. Bahagian Kerjasama Sainifik dan Kebudayaan (*Service de Coopération et d'Action Culturelle (SCAC)*), Kedutaan Perancis menjadi pihak yang bertanggungjawab memberi bantuan kepada pihak sekolah, universiti awam dan swasta dalam bentuk menyediakan latihan, kursus, bahan pengajaran dan pentadbiran yang berkaitan dengan BP. Selain daripada Kedutaan Perancis, Unit Bahasa Antarabangsa, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pelajaran Malaysia juga menjadi badan penting yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran BP di sekolah-sekolah di Malaysia. Bahagian ini sentiasa berkerjasama dengan Keduataan Perancis di dalam merangka kurikulum dan sukatan pelajaran yang berkaitan dengan BP untuk sekolah-sekolah di Malaysia.

1.2. PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan bahasa oleh seseorang pelajar biasanya diukur daripada empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang dapat dilihat melalui dua medium iaitu secara lisan dan bertulis. Kemahiran yang ingin dikuasai oleh seseorang individu yang mempelajari sesuatu bahasa asing adalah ditentukan oleh objektif pembelajarannya.

Seseorang pelajar dikatakan telah mempunyai kemahiran mendengar apabila dia berupaya memahami maksud yang hendak disampaikan oleh penutur yang menuturkan bahasa sasaran tersebut. Jika pelajar tersebut mampu bertutur dalam bahasa tersebut dengan betul dan dapat difahami oleh pendengarnya maka dia dikatakan telah mempunyai kemahiran bertutur. Manakala kemahiran membaca pula diukur apabila seseorang pelajar berupaya membaca dan memahami apa yang dibacanya dalam bahasa sasaran dan sekiranya dia dapat menulis dengan betul yakni dari segi tatabahasa dan penggunaan kosa kata yang tepat dalam bahasa tersebut maka pelajar tersebut dikatakan telah menguasai kemahiran menulis.

Keupayaan seseorang penutur menghasilkan urutan bunyi-bunyi bahasa yang mempunyai makna dapat menentukan keberkesanan sesuatu komunikasi dalam bahasa tersebut. Guimbretière (1994: 11) menyatakan bahawa "*Pour qu'ils fassent sens il est nécessaire de faire en sorte que ces sons soient reconnus auditivement par les locuteurs natifs et ensuite que ces sons, assemblés les uns aux autres, produisent ce que l'on appelle un message.*" (Untuk menyampaikan maksud ayat yang tepat adalah penting membuatkan bunyi-bunyi yang dihasilkan dapat dikenali secara pendengaran (*auditif*) oleh penutur asli bahasa tersebut seterusnya bunyi-bunyi tersebut digabungkan antara satu sama lain menghasilkan apa yang dipanggil sebagai mesej). Ini bermakna kemahiran mendengar dan bertutur dalam sesuatu bahasa asing harus bermula dengan kemahiran untuk menangkap dan menghasilkan bunyi-bunyi bahasa tersebut dengan baik.

Cuq dan Gruca (2002: 155) berpendapat bahawa "*La perception auditive joue un rôle fondamental dans l'accès au sens et on ne peut percevoir que ce que l'on a appris à*

percevoir.” (Tanggapan bunyi secara pendengaran (auditif) adalah penting untuk memahami makna dan kita hanya dapat menanggapi apa yang didengar sebagaimana yang telah dipelajari). Ini bermaksud sekiranya pelajar menanggapi bunyi secara salah maka sebutan bunyi juga dikeluarkannya juga akan salah. Seseorang pelajar menghasilkan bunyi mengikut apa yang ditanggapnya. Oleh itu tanggapan yang tepat dapat menghasilkan pengeluaran bunyi yang tepat dan seterusnya dapat membantu memahami makna ujaran dalam bahasa sasaran. Pengeluaran bunyi yang tidak tepat boleh menjejaskan komunikasi yang berlaku dalam bahasa tersebut.

Eckman (2004) juga berpendapat bahawa sekiranya seseorang tidak dapat menanggapi bunyi-bunyi bahasa sasaran dengan tepat, maka beliau juga dikatakan tidak akan berjaya mengujarkan bunyi bahasa tersebut dengan betul. Pendapat beliau dapat dilihat dalam petikan berikut ;

“ If the learners cannot perceive the L2 sounds correctly, the argument goes, the learners will not be able to successfully produce those sounds.”

(Sekiranya pelajar tidak dapat menanggapi bunyi-bunyi L2 dengan betul, dikatakan, pelajar-pelajar tidak akan dapat menghasilkan bunyi-bunyi tersebut dengan jayanya.)

(Eckman, 2004:518)

Courtillon (2002) dalam bukunya *Élaborer un cours de FLE* turut berpendapat bahawa penguasaan aspek-aspek bahasa yang baik adalah bermula dengan keupayaan untuk membuat tanggapan terhadap aspek-aspek tersebut seperti katanya :

“ Pour s'approprier un nouveau code de communication, il faut d'abord être capable de percevoir ce code sous tous ses aspects : phonétique

(phonèmes et intonation), lexical (le sens des mots) et morphosyntaxique (l'organisation de la phrase, structure et grammaire).”

(Untuk menguasai sesuatu kod komunikasi yang baru, pertamanya mestilah berupaya untuk menanggapi kod tersebut dari semua aspek; fonetik (fonem dan intonasi), leksikal (makna perkataan) dan morfosintaksis (penyusunan ayat, struktur dan tatabahasa.)

(Courtilion, 2002:28)

Gass dan Selinker (2008 :178) berpendapat bahawa proses pemerolehan sistem fonologi bahasa kedua adalah kompleks. Perbezaan antara sistem bahasa pertama dan bahasa sasaran mesti diberi perhatian untuk memahami proses pembelajaran sistem fonologi oleh pelajar.

“The acquisition of a second language phonology is a complex process. An understanding of how learners learn a new phonological system must take into account linguistic differences between the NL and the TL systems as well as universal facts of phonology.”

(Pemerolehan sistem fonologi bahasa kedua adalah proses yang kompleks. Pemahaman tentang bagaimana pelajar mempelajari system fonologi baru mesti beri mengambil kira perbezaan linguistik antara system bahasa ibunda dan bahasa sasaran serta juga ciri universal fonologi.)

(Gass dan Selinker 2008:178)

Dalam pengajaran dan pembelajaran BP, penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa tersebut merupakan salah satu masalah yang sering dihadapi oleh kebanyakan pelajar. Dalam konteks Malaysia, proses pengajaran dan pembelajaran BP

yang merupakan salah satu bahasa asing berlaku di luar daerah pertuturannya. BP hanya digunakan semasa di dalam kelas bahasa sahaja. Oleh yang demikian, pendedahan pelajar kepada bunyi-bunyi BP adalah hanya terhad ketika di dalam kelas. Kurangnya pendedahan kepada bunyi-bunyi bahasa yang dipelajari juga turut mengehadkan keupayaan untuk menanggapi bunyi-bunyi BP dan seterusnya gagal menghasilkan bunyi-bunyi tersebut dengan baik.

Kesilapan di dalam penghasilan bunyi-bunyi bahasa sasaran akan turut menjejaskan proses komunikasi yang berlaku. Ini bermakna bagi memastikan proses komunikasi dapat berjalan lancar, maka kemahiran sebutan perlu dihasilkan. Memandangkan penguasaan bunyi-bunyi bahasa merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai bagi menghasilkan komunikasi yang berkesan dalam bahasa yang dipelajari, maka dirasakan bahawa tumpuan kepada aspek fonetik dan fonologi amat perlu diberi perhatian yang besar.

Kajian AK dan AS ini dipilih untuk dijalankan dengan matlamat untuk membantu memperbaiki keupayaan pelajar-pelajar menanggapi bunyi-bunyi BP dan seterusnya membantu mereka memperbaiki keupayaan untuk menyebut bunyi-bunyi tersebut. Melalui kajian ini, masalah yang berkaitan dengan penguasaan aspek fonetik dan fonologi di dalam pembelajaran BP oleh pelajar Melayu khususnya dapat dikenalpasti dan seterusnya langkah-langkah yang sesuai bagi membantu memperbaiki masalah tersebut dapat dicadangkan.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan dua tujuan utama iaitu yang pertama adalah untuk memberi huraian berkaitan dengan sistem fonetik dan fonologi BM dan BP dan yang kedua untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar di dalam pembelajaran bunyi-bunyi BP. Kajian ini juga mempunyai objektif-objektif tertentu. Antara objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1) untuk melihat persamaan dan perbezaan yang terdapat antara sistem fonetik dan fonologi BM dan BP,
- 2) untuk meramal apakah masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu di dalam pembelajaran sistem fonetik dan fonologi BP ,
- 3) untuk mengenal pasti bunyi-bunyi BP yang menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar Melayu,
- 4) untuk melihat strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar Melayu apabila berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan ujaran bunyi-bunyi BP,
- 5) untuk mencari punca dan sebab kesilapan berlaku dan,
- 6) untuk mencadangkan kaedah-kaedah pembedahan yang dapat membantu memperbaiki sebutan bunyi-bunyi BP oleh pelajar-pelajar Melayu.

Objektif-objektif (1) dan (2) merupakan objektif yang khusus bagi AK yang lebih menumpukan kepada aspek perbandingan bahasa. Persamaan dan perbezaan tersebut dapat dijadikan sebagai kayu pengukur untuk meramal masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari BP. Selain daripada meramal masalah yang mungkin timbul, kajian ini juga dijalankan untuk melihat sejauh mana masalah-masalah

yang diramalkan tersebut benar-benar menimbulkan kesulitan kepada pelajar Melayu. Teori AK menyatakan bahawa seseorang yang mempelajari sesuatu bahasa asing akan memindahkan struktur bahasa pertama ke dalam bahasa sasaran apabila berhadapan dengan masalah.

Selinker (dalam Richards 1974 : 37) sebaliknya, berpendapat bahawa gangguan bahasa pertama bukanlah merupakan satu-satunya punca yang menyebabkan timbul masalah dalam pembelajaran bahasa kedua/bahasa asing. Kesilapan boleh berpunca daripada faktor lain seperti pemindahan pengajaran (*transfer of training*), strategi pembelajaran bahasa kedua, strategi komunikasi dalam bahasa kedua dan juga generalisasi terlampau (*overgeneralisation*). Oleh yang demikian, objektif-objektif (3) hingga (5) dalam senarai di atas adalah untuk melihat sejauh mana ramalan yang dibuat dalam AK tepat dan adakah pemindahan unsur fonetik dan fonologi BM benar-benar berlaku di dalam pembelajaran BP. Di samping itu, AS juga cuba mengukur sejauh mana struktur BM memberi kesan kepada penguasaan BP oleh pelajar-pelajar Melayu. Selain itu, kajian AS juga dibuat bagi melihat apakah perkara-perkara lain yang menjadi masalah kepada pelajar-pelajar BP. Kajian AS juga akan cuba melihat apakah kaedah atau strategi yang digunakan oleh pelajar apabila berhadapan dengan masalah di dalam pembelajaran mereka berkaitan dengan sistem bunyi BP.

Boyer, Butzbach dan Pendax dalam buku mereka "*Nouvelle introduction à la didactique du français langue étrangère*" mengatakan bahawa AS mempunyai dua objektif utama iaitu untuk lebih memahami proses pembelajaran sesuatu bahasa asing dan juga untuk memperbaiki cara pengajaran bahasa tersebut (1990: 215). Kesilapan tidak boleh dianggap sebagai penanda kegagalan tetapi sebagai petunjuk tahap penguasaan sesuatu

aspek oleh seseorang pelajar. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dapat dijadikan sebagai alat untuk menaakul (*infer*) strategi yang digunakan oleh pelajar di dalam proses pembelajaran mereka. Oleh itu kajian AS ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat apakah kesilapan-kesilapan sebutan bunyi-bunyi BP yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu, apakah strategi-strategi yang digunakan di dalam menyebut bunyi-bunyi BP dan juga cuba memberi cadangan bagaimana pengajaran aspek yang dipilih tersebut dapat diperbaiki lagi.

Dalam AK yang dibuat dalam Bab 6, ramalan masalah dalam pembelajaran sesuatu bahasa asing dibuat dengan mengambil kira persamaan dan perbezaan yang terdapat antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Kajian AS pula dijalankan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana ketepatan hipotesis yang telah dibuat di dalam Bab 6. Hal ini akan dapat dilihat daripada keputusan ujian-ujian yang telah dijalankan dalam AS ini. Selain itu, AS juga dijalankan untuk melihat sejauh mana ramalan-ramalan tersebut dapat membantu di dalam mengenal pasti punca kesilapan yang dilakukan oleh pelajar.

Kajian ini juga dijalankan dengan tujuan untuk melihat apakah jenis kesulitan berkaitan dengan bunyi-bunyi BP yang dihadapi oleh para pelajar Melayu yang mempelajari BP. Kesulitan di dalam penyebutan bunyi-bunyi BP diukur dengan melihat jumlah kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar. Sekiranya kekerapan kesilapan dalam mengenalpasti dan mengujarkan sesuatu bunyi adalah tinggi, maka bunyi-bunyi tersebut merupakan bunyi-bunyi yang menjadi masalah dalam pembelajaran BP oleh pelajar-pelajar Melayu dan perlu diberi perhatian yang lebih oleh para guru di dalam pengajaran mereka. Kajian ini juga akan cuba menganalisis apakah punca-punca dan sumber yang menyebabkan timbulnya masalah-masalah tersebut. Setelah punca-punca

kesilapan dikenal pasti maka adalah lebih mudah untuk memberi cadangan apakah kaedah yang boleh digunakan bagi membantu mengurangkan masalah pengeluaran bunyi-bunyi BP tersebut.

1.4. KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan oleh pengajar-pengajar BP sebagai bahasa asing untuk lebih memahami masalah sebutan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari BP. Kajian ini dapat memberi gambaran mengapa para pelajar Melayu menghadapi masalah di dalam penyebutan bunyi-bunyi tertentu BP. Dengan memahami punca masalah yang dihadapi oleh para pelajar, pengajar-pengajar akan lebih peka dengan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar dan seterusnya dapat membantu pengajar-pengajar di dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai untuk membantu pelajar-pelajar memperbaiki kelemahan mereka. Dapatan kajian diharapkan akan dijadikan panduan dan pedoman bagi meningkatkan penguasaan sebutan BP oleh pelajar-pelajar Melayu apabila bertutur dalam BP.

Kajian ini juga dijalankan dengan tujuan untuk mengemukakan beberapa cadangan yang dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam penggubalan bahan pengajaran BP di Malaysia. Mereka dapat menjadikan dapatan kajian ini sebagai panduan apabila menyediakan bahan pengajaran BP bagi pelajar-pelajar Malaysia amnya dan pelajar-pelajar Melayu khususnya. Daripada ramalan masalah yang dibuat, para penggubal bahan pengajaran dapat mengetahui apakah perkara-perkara yang perlu diberi lebih perhatian dan sebagainya apabila menyediakan bahan pengajaran yang berkaitan dengan

fonetik dan fonologi BP. Dengan ini, bahan pengajaran yang disediakan akan lebih menepati kehendak khusus penggunanya.

Kajian AS yang dijalankan akan dapat memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran BP. Corder (1984 : 25) berpendapat bahawa kesilapan dapat memberi gambaran kepada guru tentang tahap penguasaan pelajar dan apakah lagi yang perlu dilakukan oleh guru bagi mencapai matlamat pengajaran bahasa tersebut. Menurutny lagi, kesilapan yang dilakukan juga boleh digunakan oleh penyelidik sebagai bukti tentang bagaimana sesuatu bahasa dipelajari atau diperolehi dan apakah strategi atau kaedah yang digunakan oleh pelajar ketika mempelajari bahasa tersebut. Selain itu, Corder juga menegaskan bahawa pelajar juga dapat menjadikan kesilapan sebagai satu cara untuk menguji hipotesis mereka tentang bahasa yang dipelajari.

Sejajar dengan apa yang dikatakan oleh Corder, kajian ini dijalankan dengan harapan ianya dapat dijadikan sebagai panduan berguna kepada semua pihak yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran BP di Malaysia amnya dan kepada pelajar-pelajar Melayu khususnya. Para guru yang terlibat secara langsung di dalam pengajaran BP terutamanya guru-guru bukan Melayu akan dapat memahami dengan lebih baik punca dan sebab mengapa para pelajar Melayu menghadapi masalah berkaitan dengan sesetengah bunyi BP. Kajian ini akan dapat dijadikan panduan oleh para guru untuk lebih bersedia apabila berhadapan dengan pelajar yang mengalami kesukaran di dalam menanggapi sesuatu bunyi BP dan menghasilkan bunyi-bunyi tersebut. Guru-guru juga boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai kayu ukur untuk melihat sejauh mana kaedah pengajaran mereka berkaitan dengan sistem bunyi BP berkesan di dalam meningkatkan penguasaan pelajar.

Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar yang mempelajari BP untuk menilai tahap penguasaan mereka dan seterusnya memperbaiki kelemahan mereka. Para pelajar akan dapat lebih memahami kesulitan yang mereka hadapi dan lebih bersedia untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan tersebut. Selain daripada guru dan pelajar, kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi faedah kepada pihak penggubal bahan pengajaran BP. Setakat hari ini belum ada bahan pengajaran yang berkaitan dengan sistem fonetik dan fonologi BP digubal khusus untuk pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BP di Malaysia. Adalah menjadi harapan pengkaji agar dapatan kajian ini akan dapat dijadikan panduan berguna di dalam penyusunan bahan pengajaran BP kepada pelajar-pelajar di Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan sistem bunyi BP. Ia dapat membantu memberi gambaran yang lebih jelas tentang aspek-aspek penting yang boleh dipertimbangkan di dalam kandungan pelajaran tersebut yang berkaitan dengan bunyi-bunyi BP serta apakah bunyi-bunyi yang perlu diberi lebih tumpuan dan penekanan. Bunyi-bunyi bahasa yang menjadi kesulitan kepada pelajar haruslah diberi perhatian yang lebih berbanding dengan bunyi-bunyi lain.

1.5. BATASAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan huraian dan perbandingan sistem fonetik dan fonologi BM dan BP. Penyelidik hanya akan menumpukan kajian kepada sistem fonetik dan fonologi sahaja. Selain itu, huraian dan perbandingan sistem fonologi BM dan BP ini hanya dibataskan kepada fonem-fonem segmental sahaja, iaitu fonem vokal, rangkap vokal, konsonan dan rangkap konsonan. Walau bagaimanapun, huraian fonem-fonem

suprasegmental akan dibuat secara ringkas tetapi terhad kepada fonem-fonem yang memainkan peranan yang penting dalam sistem fonologi kedua-dua bahasa sahaja. Aspek-aspek tekanan, kepanjangan dan persendian yang merupakan fonem suprasegmental yang dihuraikan di sini hanya sekadar sebagai pengetahuan tambahan tetapi tidak akan diberi perhatian di dalam perbandingan yang dibuat antara BM dan BP dalam AK ini.

Kajian yang dijalankan ini juga akan hanya terbatas kepada kajian fonetik dan fonologi BM dan BP standard. Bunyi-bunyi bahasa standard yang diberi perhatian dalam kajian ini melibatkan bunyi-bunyi yang telah stabil penggunaannya dalam kedua-dua bahasa. Kehadiran variasi bunyi atau alofon dalam kedua-dua bahasa dihuraikan tetapi tidak diambil kira di dalam perbandingan yang dibuat antara kedua-dua bahasa tersebut. Bunyi-bunyi bahasa yang terdapat dalam dialek daerah kedua-dua bahasa juga tidak akan diambil kira di dalam perbandingan yang dijalankan. Namun begitu, dalam keadaan-keadaan tertentu, rujukan kepada aspek bunyi dialek daerah mungkin akan dibuat dari masa ke semasa.

1.6. KAJIAN TERDAHULU ANALISIS KONTRASTIF DAN ANALISIS KESILAPAN DI MALAYSIA

Kajian AK di luar negara bermula sejak awal zaman kemunculan aliran ini iaitu pada awal tahun 1960-an. Di Amerika, kajian dijalankan secara intensif dalam bidang AK dimulakan oleh *Center for Applied Linguistics (CAL)* yang ditubuhkan pada tahun 1959 di Universiti Chicago, Washington. Pusat ini yang diketuai oleh Charles Ferguson telah memulakan kajian dalam AK antara bahasa Inggeris dan 5 buah bahasa Eropah iaitu bahasa

Perancis, bahasa Jerman, bahasa Itali, bahasa Sepanyol dan bahasa Rusia. Hasil kajian ini kemudiannya diterbitkan di dalam *Contrastive Structure Series*. Bermula dengan usaha yang dijalankan oleh CAL, kajian AK ini kemudiannya berkembang pula ke Eropah dan seluruh dunia.

Di Malaysia, kajian AK yang paling awal adalah kajian yang dijalankan oleh Fonseka(1968) yakni kajian yang melibatkan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Lim Kiat Boey(1970) dan Lim Ho Peng(1976) pula merupakan antara pihak paling awal membuat kajian yang berkaitan dengan AS. Walaupun telah ada kajian yang dilakukan dalam bidang AK dan AS di Malaysia pada akhir tahun 60-an dan awal 70-an, namun begitu, kajian ini terhenti seketika sehinggalah pada awal tahun 80-an barulah kajian ini mula mendapat tumpuan yang meluas daripada penyelidik-penyelidik di Malaysia.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri dari berbilang kaum dan bahasa seperti Melayu, China, India, Punjabi dan lain-lain lagi. Keadaan masyarakat yang berbilang kaum yang hidup bersama dalam sebuah negara menyebabkan berlaku pertembungan bahasa yang pelbagai bentuk dan asal usul. Oleh yang demikian, terdapat banyak kajian yang melibatkan kajian AK dan AS telah dijalankan di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran di Malaysia. Kajian-kajian AK dan AS banyak tertumpu kepada perbandingan antara BM dan bahasa-bahasa lain yang dituturkan oleh penduduk-penduduk Malaysia, seperti bahasa Cina, Tamil, Kristang dan lain-lain.

Pada masa yang sama, kajian AK dan AS yang melibatkan BM dan bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman, bahasa Thai, bahasa Jepun dan lain-lain bahasa asing turut mendapat perhatian di Malaysia.

Oleh yang demikian, dalam bab ini, penyelidik akan cuba membincangkan tentang kajian-kajian yang telah dijalankan dalam AK dan AS di Malaysia dengan memberi fokus kepada kajian dalam bidang AK dan AS antara BM dan BP. Namun begitu, kajian AK dan AS dalam bidang fonetik dan fonologi antara BM dan bahasa-bahasa lain juga akan dihuraikan sedikit sebanyak.

1.6.1. Kajian Analisi Kontrastif dan Analisis Kesilapan Antara BM dan BP

Kajian AK dan AS mula mendapat perhatian penyelidik-penyelidik di Malaysia agak lewat berbanding dengan kemunculan kajian AK dan AS di dunia iaitu pada akhir tahun 1950-an. Walaupun pengajaran BP telah lama diperkenalkan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, tetapi kajian yang berkaitan dengan AK dan AS antara BM dan BP hanya mula dijalankan pada awal tahun 1980-an.

Daripada pencarian yang dilakukan melalui **Malaysian University Libraries and National Library Network** (<http://eresources.perpun.net.my/portal/index.php>), setakat hari ini terdapat hanya enam kajian AK/AS antara BM dan BP yang telah dijalankan di Malaysia dan kesemuanya merupakan tesis/disertasi peringkat sarjana dan PhD yang dijalankan oleh penyelidik dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Semua kajian tersebut dijalankan dengan satu matlamat iaitu untuk dimanfaatkan oleh pengajar dan pelajar Melayu khususnya dan pelajar Malaysia amnya yang mempelajari BP agar dapat memahami aspek bahasa tersebut dengan lebih baik.

Kajian AK pertama yang melibatkan kedua-dua bahasa ini mula dijalankan oleh Zainab Majid pada tahun 1982. Kajian beliau yang bertajuk *Analisis Kontrastif Sistem*

Fonologi BM dan BP ini membandingkan sistem fonologi BM dan BP dan hanya dihadkan kepada analisis kontrastif sahaja. Beliau telah meramalkan bahawa pelajar akan mengalami masalah dalam tiga aspek iaitu (i) masalah pengeluaran fonem-fonem yang hanya hadir dalam sistem BP, (ii) masalah kelainan distribusi fonem-fonem BM dan BP dan (iii) masalah pemindahan kebiasaan fonetik BM atas sistem fonologi BP. Di akhir kajiannya, beliau telah mencadangkan beberapa langkah untuk membantu pengajaran aspek-aspek yang diramalkan akan menimbulkan masalah di dalam pembelajaran sistem fonologi BP. Namun begitu, kajian yang dijalankan ini tidak memberi gambaran sebenar masalah yang dihadapi pelajar apabila mengujarkan bunyi-bunyi BP. Beliau melihat perbezaan yang terdapat antara kedua-dua bahasa tersebut merupakan satu-satunya aspek yang diramalkan menjadi masalah kepada pelajar.

Choi (1986) dalam kajian AK dan AS sistem morfologi BM dan BP telah membahagikan kajiannya kepada dua bahagian iaitu kajian AK dan kajian AS. Dalam bahagian I, Choi membincangkan tentang proses morfologi BM yang terdiri daripada proses pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan dan membandingkannya dengan proses morfologi BP. Kajian AS yang dibincangkan di dalam bahagian II telah memperlihatkan proses penguasaan sistem morfologi BP oleh 37 orang pelajar Malaysia. Hasil analisisnya, dua jenis iaitu kesilapan mutlak dan kesilapan relatif telah dikenal pasti. Kesilapan mutlak merupakan kesilapan bentuk yang tidak wujud manakala kesilapan relatif merupakan kesilapan bentuk yang wujud tetapi dalam konteks yang salah. Di dalam kesimpulannya, beliau telah mencadangkan agar para pengajar memberi lebih perhatian kepada kaedah pengajaran agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektifnya.

Kajian seterusnya dalam bidang AK dijalankan oleh Roshidah (1997) membandingkan sistem kata ganti nama yang terdapat di dalam BM dan BP. Kajian AK tersebut adalah berbentuk peka konteks yakni perbandingan penggunaan kata ganti nama BM dan BP dibuat dalam dalam konteks nahu dan sosiolinguistik. Seterusnya, kajian ini juga mencadangkan bagaimana sistem kata ganti nama diri BP dapat diajar kepada pelajar-pelajar Melayu. Kajiannya juga menghadkan objektif kajian kepada meramal masalah yang mungkin timbul apabila pelajar Melayu mempelajari sistem kata ganti nama diri BP. Sepertimana kajian yang dijalankan oleh Zainab, kajian ini juga tidak melihat masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar di dalam mempelajari sistem kata ganti nama diri BP.

Lim (2001) pula melihat penguasaan penggunaan dua jenis kala lampau BP iaitu *imparfait* dan *passé composé* oleh pelajar-pelajar Melayu. Beliau telah menjalankan kajiannya ke atas 35 orang pelajar Melayu yang sedang mempelajari BP di Universiti Putra Malaysia. Beliau telah menganalisis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar apabila menggunakan kala lampau dalam BP melalui ujian yang mengandungi empat teks digunakan sebagai alat untuk menganalisis kesilapan pelajar. Di dalam kesimpulannya, beliau merumuskan bahawa pelajar Melayu menghadapi masalah untuk memilih kala lampau yang betul kerana persepsi dan pernyataan masa yang berbeza di antara sistem linguistik BM dan BP. Lim juga turut memberi cadangan bagaimana pengajaran aspek bahasa tersebut dapat diajar kepada pelajar.

Teh (2006) dan Azhar (2006) pula telah menjadikan pelajar sekolah berasrama penuh kerajaan sebagai subjek kajian mereka. Teh melihat penggunaan artikel BP manakala Azhar pula melihat kesilapan penggunaan preposisi BP oleh pelajar. Beliau menggunakan ujian mengisi tempat kosong sebagai instrumen kajiannya. Kajian Teh mendapati bahawa

pelajar menghadapi masalah di dalam penggunaan kesesuaian antara kata nama dan artikel yang menunjukkan gender dan bilangan. Azhar pula cuba melihat perkaitan antara keputusan (bahasa Inggeris) BI pelajar di dalam peperiksaan PMR, penggunaan BI di rumah dan faktor jantina dengan penguasaan preposisi BP dan beliau mendapati bahawa ketiga-tiga faktor tersebut mempengaruhi keupayaan mereka menggunakan preposisi BP.

Semua kajian AK dan AS yang dilakukan memberi implikasi kepada pengajaran BP kepada pelajar-pelajar di Malaysia. Semua cadangan yang dikemukakan oleh penyelidik-penyelidik ini adalah saling melengkapi dan dapat membantu memperbaiki kaedah pengajaran BP di Malaysia dan juga dapat membantu meningkatkan penguasaan BP oleh pelajar.

1.6.2. Kajian Analisis Kontrastif(AK) dan Analisis Kesilapan(AS) antara BM dan Bahasa-bahasa Asing Lain.

Kajian AK dan AS antara BM dan bahasa-bahasa asing lain seperti bahasa Arab, bahasa Thai, bahasa Portugis, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman dan bahasa Jepun juga telah dijalankan di Malaysia. Pelbagai aspek bahasa telah dijadikan sebagai fokus kajian tersebut. Kajian-kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa sasaran. Kebanyakan kajian ini dijalankan sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan ijazah Sarjana. Namun begitu, terdapat juga kajian dilakukan di peringkat ijazah Doktor Falsafah.

Kajian dalam bidang fonetik dan fonologi antara BM dan bahasa-bahasa asing lain antaranya telah dijalankan oleh Schmitz (1991) yang merupakan kajian di peringkat Doktor

Falsafah. Beliau telah menjalankan kajian AK dan AS sistem fonologi, morfologi dan sintaksis BM dan bahasa Jerman. Hasil perbandingan tersebut, beliau telah membuat ramalan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Kajian AS yang dijalankan bertujuan untuk melihat sama ada perbezaan yang terdapat antara struktur BM dan bahasa Jerman benar-benar menimbulkan masalah di dalam pembelajaran bahasa sasaran. AS juga dijalankan bagi melihat sejauh mana kesulitan menjadi masalah kepada pengujaran bunyi atau tanggapan bunyi, apakah darjah kesulitan yang dihadapi dan apakah bentuk bunyi yang diujarkan bagi menggantikan bunyi-bunyi yang menimbulkan masalah tersebut. Beliau menggunakan teks dalam bahasa Jerman yang ditulis oleh 31 orang pelajar Melayu bagi melihat jenis kesulitan dalam tatabahasa yang dihadapi oleh pelajar. Beliau merumuskan bahawa AK telah berjaya meramal dan menghuraikan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar Melayu apabila mempelajari bahasa Jerman.

Kajian AK sistem fonologi BM dan bahasa-bahasa asing lain juga telah dijalankan antaranya oleh Siti Asiah Kancana Abdullah (1991), Ong Shyi Nian (1991) dan Lim Miau Chin (1999). Siti Asiah telah menjalankan kajian AK ke atas sistem fonologi antara Bahasa Thai dan BM, Ong pula menjalankan kajian AK antara sistem fonologi BM dan bahasa Jepun, manakala Lim pula melihat persamaan dan perbezaan sistem fonologi antara BM dan bahasa Portugis. Siti Asiah telah menganalisis masalah pendengaran dan sebutan sistem bunyi bahasa Thai oleh pelajar Melayu. Kajiannya melibatkan 6 orang pelajar Melayu yang sedang mengikuti kelas bahasa Thai di Universiti Malaya. Daripada analisis yang dilakukan, beliau merumuskan bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah berkaitan dengan konsonan medial bahasa Thai, ton, rangkap konsonan dan kepanjangan vokal bahasa Thai.

Ong pula melihat persamaan dan perbezaan yang terdapat antara fonem-fonem BM dan bahasa Jepun dan meramalkan bahawa pelajar Melayu menghadapi kesukaran untuk (i) membezakan di antara vokal panjang dan vokal pendek bahasa Jepun, (ii) membezakan di antara konsonan berganda dan konsonan tunggal, (iii) untuk menghasilkan bunyi suku kata nasal /n/, silabik /N/ dan bunyi berganda /nn/, dan (iv) membezakan di antara bunyi-bunyi yang hanya hadir dalam bahasa Jepun.

Lim pula membincangkan tentang sistem fonologi BM dan bahasa Portugis yang melibatkan kajian AK dan AS. Beliau menjalankan ujian ke atas 20 orang pelajar Melayu bagi mengenal pasti gangguan dalam aspek fonologi yang wujud dalam sebutan pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Portugis. Akhirnya, beliau membandingkan sistem kedua-dua bahasa tersebut bagi melihat persamaan dan perbezaan yang terdapat antara kedua-duanya. Beliau membuat kesimpulan bahawa pelajar Melayu menghadapi di dalam penyebutan bunyi-bunyi vokal nasal dan sesetengah bunyi konsonan bahasa Portugis.

Selain daripada kajian ke atas sistem fonetik dan fonologi, kajian AK dan AS antara BM dan bahasa-bahasa asing selain BP turut melibatkan aspek-aspek lain. Contohnya, Atilio (1996) telah membuat kajian AK dan AS ke atas sistem kata kerja bahasa Sepanyol oleh pelajar-pelajar Melayu. Beliau telah mengkaji kesilapan-kesilapan yang dilakukan pelajar dan menggunakan dapatan kajiannya untuk mencadangkan kaedah pengajaran bahasa Sepanyol kepada pelajar-pelajar Melayu. Jamian Mohamad (2000) telah menjalankan kajian AS ke atas sistem kata kerja antara BM dan bahasa Portugis. Roswati Abdul Rashid (2002) pula mengkaji AS ayat-ayat bersyarat bahasa Jepun di kalangan

pelajar-pelajar Melayu. Choong Pow Yean (2005) menjalankan AS di dalam penggunaan partikel kes bahasa Jepun di kalangan pelajar Melayu UiTM.

Kajian-kajian AK dan AS terdahulu yang dijalankan semuanya mempunyai satu matlamat iaitu untuk memberi sumbangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa yang dikaji. Ini bermakna, AK dan AS amat berguna di dalam membantu mengenal pasti masalah yang berkaitan dengan pemerolehan sesuatu bahasa. Namun begitu, kajian AK tidak lengkap tanpa kajian AS. Kajian AK hanya mampu meramal masalah yang mungkin timbul tetapi AS dapat melihat masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar. Oleh yang demikian, kedua-dua analisis ini wajar dilakukan bersama agar dapatan kajian dapat dimanfaatkan sepenuhnya di dalam membantu perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa sasaran.